



APRIL 2018

CANANG

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Laman Nurani

"Dan Allah akan menambah hidayah kepada orang-orang yang mendapat petunjuk dan amalan-amalan soleh yang kekal itu lebih baik pahalanya di sisi Tuhanmu dan lebih baik kesudahannya."

Surah Maryam, ayat 76.



Ahad, 1 april 2018 - YB Dato Menteri KKBS hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar kepada kontinjen negara akan akan bersaing dalam Sukan Komanwel Ke XXI 2018 di Gold Coast, Australia. YB Dato menyeru agar para atlet mempunyai semangat juang yang tinggi, memiliki semangat profesional dan kompetitif serta berbangga mengibarkan bendera negara pada kejohanan tersebut. Para atlet juga perlu menunjukkan calak-calak KeBruneian kerana apabila mereka berpegang kepada calak-calak tersebut maka mereka akan mempunyai rasa semangat yang tinggi, tambah YB Dato. Kontinjen Negara Brunei Darussalam dianggotai oleh lapan atlet dan empat pegawai termasuk Chef de Mission, pegawai urus setia, pengurus pasukan dan jurulatih. Kejohanan Sukan Komanwel Edisi Ke-21 ini akan diadakan mulai 4 hingga 15 April 2018 dan Kontinjen Negara Brunei Darussalam akan hanya menyertai satu acara sukan sahaja iaitu boling padang.



Isnin, 2 April 2018 - YB Dato Menteri KKBS menjadi tetamu kehormat Majlis Sambutan Hari Autisme Sedunia (WAAD) Ke-11 yang bertemakan 'Empowering Women and Girls With Autism' anjuran SMARTER Brunei. Dalam majlis ini YB Dato melancarkan 'Light It Up Blue' kemudian diikuti dengan persembahan individu autisme SMARTER Brunei. YB Dato kemudian dibawa menyaksikan pameran mengenai produk-produk yang dihasilkan oleh individu SMARTER Brunei. Majlis berlangsung di Dermaga Diraja, BSB dan dihadiri oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara, YB Awang Iswandy bin Ahmad, perwakilan-perwakilan asing ke negara ini, pegawai kanan kerajaan dan orang awam.



Sabtu, 7 April 2018 - YB Dato Menteri menerima kunjungan dari Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani Khanizaman di pejabat YB Dato.




Isnin, 9 April 2018 - YB Dato Menteri menerima kunjungan dari Pesuruhjaya Tinggi Canada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caterina Ventura dan diikuti oleh kunjungan dari Tuan Yang Terutama Vladlen Semivolos Duta Extraordinary dan Plenipotentiary Federasi Russia. Kedua-dua perjumpaan berlangsung di pejabat YB Dato.



Isnin, 9 April 2018. - YB Dato Menteri KKBS turut hadir bersama menteri-menteri lain dalam ceramah khas sempena Israk dan Mikraj yang berlangsung di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar. Ceramah disampaikan oleh penceramah undangan dari Republik Indonesia, Abdul Somad Batubara. Lebih 3,000 jemaah hadir mengimarahkan masjid dengan sama-sama menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak berjemaah terdahulu sebelum ceramah dimulakan. Rombongan dari Daerah Tutong, Belait serta mereka dari Daerah Temburong juga sama-sama hadir memeriahkan ceramah tersebut.

Selasa, 10 April 2018 - YB Dato Menteri menerima kunjungan dari Tuan Yang Terutama Mehmet Suat Akgun, Duta Extraordinary dan Plenipotentiary Turkey diikuti dengan kunjungan dari Tuan Yang Terutama, Sheikh Ahmed bin Hashil Al-Maskari Kesultanan Oman pada esoknya. Kedua-dua perjumpaan berlangsung di pejabat YB Dato.



Ahad, 15 April 2018 - Majlis Penutup dan Penganugerahan Grant Society for Community Outreach & Training bagi Bengkel Youth Against Poverty telah berlangsung di Tingkat 3, Bangunan Progresif Cellular Sdn. Bhd. Hadir selaku tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS. Antara lain kandungan ucapan YB Dato menjelaskan bahawa Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menentukan platform-platform bersesuaian untuk menangani bersama dengan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan bagi mengatasi apa jua permasalahan yang dialami di negara ini, menerusi Whole of Government dan Whole of Nation Approach. YB Dato juga menyentuh mengenai Smart Partnership bahawa ia bukan sahaja di bawah satu kementerian, namun dilihat kesesuaian kementerian kementerian lain dan kerjasama dengan melibatkan negara secara satu. Sebanyak tiga buah kumpulan membentangkan kertas kerja masing-masing, iaitu Kumpulan Women in Power, Kumpulan Deliver Hope dan Kumpulan The Mobile Dream Center. Kumpulan The Mobile Dream Center terpilih sebagai penerima grant berjumlah BND1,000. Bengkel kali kedua itu diusahakan oleh SCOT dengan kerjasama PCSB, bertujuan untuk mendorong para pemimpin belia untuk mengenal pasti dengan lebih luas tentang pembasmian kemiskinan secara kondusif menerusi sesi perbincangan oleh pakar-pakar akademik, para usahawan dan pegawai kerajaan.



Isnin, 16 April 2018 - Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Ke-2 Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan Ke-7 bagi Tahun 2018 telah berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Hadir mempengerusikan mesyuarat tersebut YB Dato Menteri KKBS. Dalam ucapan mukadimah, YB Dato menyatakan bahawa Institusi keluarga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan sebuah masyarakat dan negara yang berintegritas tinggi dan ia diibaratkan tiang yang menjadi asas sebuah rumah untuk berdiri megah. Oleh itu, terpinpinnya sebuah keluarga akan mampu melahirkan sebuah masyarakat sejahtera dan cemerlang, manakala rapuhnya sebuah keluarga akhirnya akan meruntuhkan masyarakat dan negara. Menurut YB Dato, fokus sambutan pada tahun ini ialah permasalahan penyalahgunaan dadah yang turut menyumbang kepada peningkatan keganasan rumah tangga dan mengugat keharmonian serta kesejahteraan institusi keluarga. Antara perkara yang disentuh ialah persediaan bagi Majlis Kesyukuran Sempena HKK di masjid-masjid utama di seluruh daerah yang akan diadakan pada Khamis, 17 Syaaban 1429 Hijrah bersamaan 3 Mei 2018 Masihi. Diikuti dengan acara kemuncak pada Ahad, 20 Syaaban 1439H bersamaan 6 Mei 2018M, iaitu Acara Perhimpunan Keluarga yang bermula dengan acara Masjidku Makmur, Negara Berkat, disusuli dengan acara Riadah Berbasikal Keluarga Harmoni dan Riadah Keluarga Harmoni yang akan berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddin, Bandar Seri Begawan. Manakala, acara Anakku Kesayanganku akan diadakan pada Isnin, 21 Syaaban 1439H bersamaan 7 Mei 2018M, di hospital-hospital setiap daerah serta Kempen Mempromosi Keluarga Penyayang untuk menyebarkan mesej Keluargaku Penyayang, Negara Gemilang.



Khamis, 19 April 2018 - Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan NBD, DYT M Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dalam sabdanya menekankan, komitmen dan disiplin yang tinggi dari semua peringkat sama ada di bahagian pengurusan mahupun dalam kalangan pemain merupakan faktor penting bagi kejayaan sesebuah pasukan. DYT M menyarankan agar para atlet negara untuk mengambil pengalaman bagi menaikkan dan meningkatkan kemahiran diri dalam arena sukan. Perkara demikian disabdakan pada Mesyuarat Post-Mortem Sukan Komanwel Kali Ke-21, Gold Coast, Australia 2018 yang berlangsung di Bilik Persidangan, SNHB. Keberangkatan tiba DYT M telah di junjung oleh YB Dato Menteri KKBS. Dalam sembah alu-aluan YB Dato menyatakan bahawa keberangkatan DYT M ke mesyuarat tersebut mencerminkan sifat keprihatinan dan pemedulian berterusan DYT M terhadap segala usaha untuk mengembangkamajukan bidang sukan di negara ini. Keputusan mesyuarat itu akan menjadi garis pandu dalam usaha berterusan untuk meningkatkan dan memperbaiki lagi prestasi dan pencapaian atlet-atlet negara ini terutama nya bagi penyertaan pasukan ke temasya-temasya sukan besar yang bakal diadakan nanti.

Isnin, 16 April 2018 - YB Dato Menteri menerima kunjungan dari Presiden Institut Kodokan Jepun, Mr. Haruki Uemura di pejabat YB Dato.



Khamis, 19 April 2018 - KKBS telah mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj yang berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan KKBS. Hadir selaku tetamu kehormat YB Dato Menteri KKBS. Majlis dimulakan dengan Bacaan Ayat-Ayat Suci Al-Quran oleh Johan Qari Musabaqah Tilawatil Al-Quran Peringkat Belia Asia Tenggara ke-8 tahun 1439 Hijrah / 2017 Masihi. Majlis disusuli dengan ceramah khas bertajuk Dengan Hikmah Israk Mikraj Kita Kukuhkan Keimanan Menurut Ahli Sunnah Waljamaah yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah, KUPU SB. Majlis turut diserikan dengan Persembahan Deklamasi Sajak bertajuk 'Barisan' yang disampaikan oleh Penerima Anugerah Penulis Asia Tenggara Tahun 2004, Awang Haji Jawawi bin Haji Ahmad.



Rabu, 25 April 2018 - Majlis Perasmian Seminar Kebahasaan sempena Sidang Eksekutif Ke-57 Majlis Bahasa Brunei Darussalam Indonesia-Malaysia (MABBIM) yang berlangsung di Parkview Hotel telah disempurnakan oleh YB Dato Menteri KKBS. Antara kandungan ucap ternaik YB Dato, Profil pengantarabangsa bahasa Melayu bagi sesebuah negara bergantung dan berkait rapat dengan profil taburan aktiviti pelancongan yang ditawarkan oleh sesebuah negara, seperti aktiviti harian, rutin perniagaan, sosiobudaya dan sosioekonomi masyarakat setempat. semua unsur itu merupakan antara produk pelancongan yang menjadi elemen utama kepada wahana penjenamaan dan promosi imej bahasa Melayu. Seramai 200 peserta telah menyertai seminar dua hari itu yang membentangkan sebanyak sembilan kertas kerja, dari Negara Brunei Darussalam, Malaysia, dan dari Indonesia dan satu kertas kerja penyelidikan dari gabungan tiga negara anggota MABBIM.



Sabtu, 21 April 2018 - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NFABD) selaku Penasihat Jawatankuasa Tertinggi HBT 2018 berkenan berangkat ke Sidang Media Mengenai Majlis Pembukaan Rasmi Piala Hassanal Bolkiah (HBT) Kejohanan Bola Sepak bagi Belia ASEAN 2018 yang diadakan di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Keberangkatan DYTM dijunjung oleh YB Dato Menteri KKBS. Menurut YM Pemangku SUT KKBS, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan untuk berangkat menyempurnakan Majlis Pembukaan Rasmi HBT Kejohanan Bola Sepak bagi Belia ASEAN 2018 yang akan berlangsung pada Isnin, 23 April di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas bermula jam 8.00 malam. Upacara perasmian kejohanan akan diikuti dengan perlawanan pertama di antara pasukan Negara Brunei Darussalam menentang pasukan Timor Leste. Majlis Pembukaan Rasmi HBT Kejohanan Bola Sepak bagi Belia ASEAN 2018 dan setiap perlawanan adalah dibukakan secara percuma kepada orang ramai dan kejohanan akan diadakan di dua tempat, iaitu Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas serta Balapan dan Padang, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Pada kejohanan ini, setiap penonton akan diberikan tiket nombor bertuah di setiap pintu-pintu masuk pada setiap perlawanan termasuk semasa Majlis Pembukaan Rasmi HBT Kejohanan Bola Sepak bagi Belia ASEAN 2018.



Sabtu, 28 April 2018 - YB Dato Menteri KKBS telah merasmikan Majlis Perasmian Bicara Sejarah 'Perkhidmatan Pos Negara Brunei Darussalam: Sejarah dan Perkembangannya' yang berlangsung di Dewan Jawatan Dalam, Bangunan PSB, BSB. Program ini adalah anjuran Pusat Sejarah Brunei dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Pos. Seramai tiga orang pembentang telah diundang bagi membincangkan mengenai Sejarah Perkhidmatan Pos NBD: Sejarah dan Perkembangannya, iaitu Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus; Penolong Ketua Pos Agung di Jabatan Perkhidmatan Pos, dan Awang Haji Bakar bin Haji Berudin dari Persatuan Filatelik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam. Tujuan Bicara Sejarah adalah untuk menonjolkan dan memberigakan sejarah awal kewujudan perkhidmatan pos di NBD kepada orang ramai terutama generasi baharu dalam kalangan belia, di samping menarik minat orang ramai untuk mengumpul tentang pensejarahan perkhidmatan pos di NBD. Peserta-peserta pameran adalah terdiri dari pihak Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Perhubungan Bandar Seri Begawan, koleksi peribadi Awang Haji Mohd. Rozan dan koleksi peribadi Awang Haji Bakar bin Haji Berudin

Rabu, 25 April 2018 - Sidang Media Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) Ke-7 2018 telah diadakan di Dewan Citra Budaya, KKBS. Hadir mempengerusikan sidang media berkenaan YM Pemangku SUT KKBS. Dalam ucapan pengerusi menyatakan sambutan HKK akan disambut pada 6 Mei 2018 dengan mengekalkan tema 'Keluargaku Penyayang, Negara Gemilang'. Sambutan HKK tahun ini akan menumpukan terhadap permasalahan penyalahgunaan dadah yang menyumbang pada peningkatan keganasan rumah tangga dan menggugat keharmonian serta kesejahteraan institusi keluarga. Antara perkara yang disentuh Majlis Kesyukuran Solat Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Khas HKK; acara kemuncak sambutan iaitu Acara Perhimpunan Keluarga: Riadah Berbasikal Keluarga Harmoni yang dimulakan dengan Masjidku Makmur, Negara Berkah di Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddin dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah dan diikuti dengan sesi tazkirah yang akan memfokuskan terhadap Sambutan HKK 2018. Riadah berbasikal yang dianjurkan oleh KKBS bersama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama semua kementerian yang lainnya serta Persekutuan Basikal Brunei Darussalam itu adalah percuma dan terbuka kepada semua lapisan masyarakat di negara ini. Selain itu, beberapa acara sampingan juga akan diadakan dan semua pihak adalah digalakkan untuk memeriahkan Sambutan HKK 2018 pada tahun ini dengan aktiviti yang bersesuaian dan mengongsikan aktiviti berkenaan melalui Instagram @harikeluargakebangsaan atau #hkknbd2018



Tim Penerbitan Jeffree Haji Md Kassim **Penyunting & Penyemak**, Jeffree Haji Md Kassim **Perwajahan dan Aturhuruf** Jeffree Hj Md Kassim **Jurufoto** Hajah Ajijah binti Haji Ali, Pg Suhaimi bin Pg Haji Othman, Haji Norfaisal bin Haji Mohd Salleh.